

PBD jadi anggota BN

KUALA LUMPUR, Ahad — Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) diterima sebulat suara menjadi parti anggota Barisan Nasional yang kedua belas, mulai hari ini.

Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) yang menimbulkan kemarahan parti-parti anggota BN Sarawak kerana meletakkan calon-calon bebas menentang BN dalam pilihanraya negeri itu bulan lalu, kekal dalam BN.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Barisan Nasional mengumumkan, permohonan PBDS dicadangkan oleh Parti Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) dan disokong oleh Parti Kebangsaan Sarawak (Snap).

Katanya, semua parti anggota yang lain termasuk Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), bersetuju sebulat suara menerima keanggotaan parti itu.

Dalam satu sidang akhbar selepas mempengerusikan sidang Majlis Tertinggi Barisan Nasional di sebuah hotel sini, Perdana Menteri berkata, soal Snap meletakkan calon-calon bebas menentang parti-parti anggota BN Sarawak dalam pilihanraya negeri itu tidak dibincangkan dalam mesyuarat hari

Oleh AHMAD PUAD ONAH

ini. Beliau berkata, Majlis Tertinggi Barisan Nasional telah mengucapkan tahniah kepada BN Sarawak kerana mencapai kemenangan cemerlang dalam pilihanraya negeri, baru-baru ini. Mesyuarat satu jam itu bermula pukul 12.30 tengah hari dengan dihadiri oleh semua pemimpin 11 parti anggota termasuk Timbalan Pengerusi BN, Datuk Muzaffar Hitam dan Setiausaha

Agungnya, Encik Ghafar Baba.

Semua wakil parti anggota yang lain turut hadir termasuk Umno, MCA, MIC, Gerakan, Berjaya, Uno, Berjasa dan PPP.

Perwakilan PBB diketuai oleh Yang Dipertuannya, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud yang juga Ketua Menteri Sarawak, SUPP oleh Presidennya, Datuk Stephen Yong dan Snap oleh Presidennya, Datuk James Wong.

Setelah permohonan PBDS diluluskan, tiga wakil parti itu yang dipimpin oleh Presidennya, Datuk Leo Moggie, Timbalan Presiden, Datuk Daniel Tajem dan Ketua Pemuda, Encik Ramo Juna dipanggil memasuki dewan mesyuarat dan mengambil tempat mereka.

Sewaktu ditemui kemudian, Datuk Moggie yang juga Menteri Tenaga, Telekom dan Pos mengucapkan terima kasih kepada parti-parti anggota BN kerana bersetuju menerima permohonan PBDS sebagai anggota.

Beliau berkata, penerimaan keanggotaan partinya adalah wajar dengan kedudukan, dasar dan prinsip penubuhan PBDS yang mahu bersama-sama Barisan Nasional.

Enggan

Ditanya mengenai sengketa antara partinya dengan Snap, beliau berkata, PBDS akan mematuhi segala keputusan Barisan Nasional dalam perkara itu.

"Kita telah sentiasa dan akan terus berbuat demikian," tambahnya.

Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud enggan mengulas tentang keanggotaan Snap atau PBDS dalam Kabinet Sarawak dengan kemaraan PBDS dan pengelasan Snap dalam Barisan Nasional.

PBDS ditubuhkan pada 17 Julai lalu oleh beberapa pemimpin Snap yang keluar dari parti itu beramal-ramal berikutan pemecatan Datuk Daniel Tajem yang juga Timbalan Ketua Menteri Sarawak dari Snap kerana dikatakan menentang calon BN dalam pilihanraya Parlimen lalu.

Parti itu kemudian memohon untuk menyertai BN tetapi permohonannya ditentang oleh Snap, tetapi Datuk Patinggi Haji Abdul Taib selaku Pengerusi BN Sarawak menerima PBDS sebagai parti campuran dalam kerajaan negerinya.

Dalam pilihanraya negeri akhir bulan lalu, Snap dan PBDS masing-masing bertanding menggunakan lambang sendiri yang mencapai keputusan lapan kerusi bagi Snap dan enam kepada PBDS.

Dalam pilihanraya itulah Snap meletakkan calon-calon bebas untuk bertanding menentang bukan sahaja calon-calon PBDS tetapi parti anggota BN yang lain termasuk PBB dan SUPP.

Ini menimbulkan kemarahan Datuk Patinggi Haji Abdul Taib hingga beliau secara terbuka mengisytiharkan Snap sebagai musuh Barisan Pergerakan Pemuda PBB juga meluluskan usul tergepar meminta Snap disingkir dari BN.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia